

30 NOV 2001

Mahathir-Islam

NEGARA JADI AFGHANISTAN KEDUA JIKA UNSUR JAHAT TIDAK DIBENDUNG

ALOR SETAR, 30 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan umat Islam bahawa negara ini mungkin menjadi "Afghanistan kedua" sekiranya anasir yang cuba mengugat keselamatan tidak dibendung.

Perdana Menteri berkata sekarang ini telah muncul "serangan" daripada pihak tertentu di dalam negara ini yang tidak senang melihat keamanan, kejayaan dan kenikmatan yang dibawa oleh kerajaan kepada rakyat.

"Pihak itu tidak suka dengan kejayaan kerajaan dan mereka cuba untuk menimbulkan kekacauan dan keganasan untuk menjatuhkan kerajaan...jika mereka berjaya, negara ini akan menjadi seperti Afghanistan kedua," katanya semasa berucap merasmikan Kompleks Al Bukhary di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata unsur membenci kerajaan telah lama dijalankan oleh pihak-pihak tertentu yang merasakan mereka lebih Islam dan lebih layak untuk memerintah negara ini.

"Anak-anak yang dihantar ke sekolah kendalian mereka diajar membenci pemimpin kerajaan dan diajar bahawa mereka akan menggantikan kerajaan yang ada sekarang. Mereka diterap dengan kepercayaan bahawa diri mereka sahaja yang betul," katanya.

Dr Mahathir berkata perkara membenci pihak lain itulah yang berlaku di Afghanistan.

"Pihak Taliban, mereka adalah golongan yang belajar di madrasah di Pakistan. Mereka belajar membenci kerajaan lain di negara itu dan akhirnya mereka menjatuhkan kerajaan Afghanistan.

"Tetapi semasa pemerintahan mereka, wanita telah ditindas, diperlakukan seperti hamba...adakah itu ajaran Islam sedangkan agama Islamlah yang meningkatkan martabat wanita," katanya.

Perdana Menteri berkata "bunga-bunga" yang berlaku di negara berkenaan itu memang telah kelihatan di negara ini dan sebab itulah kerajaan sering mengingatkan umat Islam negara ini sentiasa bersatu padu.

Katanya, umat Islam yang berjumlah kira-kira 1 bilion, lemah dan ditindas kerana mereka tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar.

Umat Islam sekarang ini, katanya, sedang menghadapi tekanan yang hebat dan dianggap penganas dan di sesetengah tempat, (mereka) dilayan dengan begitu buruk berikutan serangan penganas di Washington dan New York pada 11 Sept lepas.

"Kita mungkin berasa kecewa dengan nasib umat Islam tetapi kita tidak dapat berbuat apa-apa kerana kita lemah diakibatkan tidak mengikut ajaran agama kita dengan sebenarnya.

"Orang Islam bermusuhan, tiada perpaduan, jauh sekali mempunyai perasaan persaudaraan," katanya.

Pada masa yang sama, katanya, umat Islam juga tidak menguasai ilmu pengetahuan yang boleh digunakan untuk memperkuatkan negara dan umat.

"Umat Islam tidak mengalakkan penguasaan ilmu yang penting untuk kekuatan umat. Malahan, yang menyedihkan berlaku apabila penuntut yang dihantar belajar ilmu agama di negara tertentu telah menyeleweng dengan belajar cara-cara membuat bom, senapang dan cara-cara berperang untuk menjatuhkan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir kemudian berbuka puasa dan bersolat Maghrib bersama dengan orang ramai di masjid kompleks itu.

Turut hadir pada majlis itu adalah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Kompleks Al-Bukhary adalah kompleks bersepadu yang menempatkan masjid,

akademi warga tua, sekolah, rumah anak yatim dan pusat latihan untuk golongan cacat penglihatan.

Ia adalah milik Yayasan Al-Bukhary.

-- BERNAMA

MZM JM MOZ